

10/08/2001

Rasional pelaksanaan sistem meritokrasi

Munaarfah Abu Bakar

KERAGUAN dan kebimbangan sesetengah pemimpin Umno berhubung cadangan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akhirnya terjawab.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan tertutup selama dua jam dengan lebih 1,000 pemimpin Umno bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, kelmarin menghuraikan dengan panjang lebar rasional di sebalik pelaksanaan sistem berdasarkan merit itu mulai tahun depan.

Isu sama ada pelajar Melayu bersedia atau tidak untuk menerima sistem meritokrasi kini tidak menjadi persoalan. Apa pun, syarat utama bagi mereka mendapatkan tempat di IPTA adalah melalui kecemerlangan akademik.

Saranan Perdana Menteri berhubung pelaksanaan berdasarkan sistem merit bukan lagi sekadar satu cadangan atau amaran, sebaliknya akan tetap dilaksanakan walaupun secara berperingkat.

Pada awal saranan Dr Mahathir terhadap sistem berkenaan, banyak pandangan dari kalangan pemimpin Umno sendiri menyambut baik demi kebaikan serta kecemerlangan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi (IPT).

Mereka rata-rata bersetuju saranan sistem meritokrasi, walaupun mahu ia hanya diperkenalkan dalam jangka masa lima hingga enam tahun akan datang agar pelajar dapat melakukan persiapan secukupnya.

Pemimpin Melayu yang bersetuju dengan pelaksanaan sistem meritokrasi ini termasuk Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Biro Pendidikan Umno yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, dan beberapa pemimpin Umno lain yang juga menteri Kabinet.

Rata-rata mereka berpendapat, sistem berdasarkan merit itu bukan saja dapat memartabatkan bangsa Melayu dengan membawa kecemerlangan akademik, tetapi pada masa sama dapat mengelak pelajar di IPT terbabit dalam kegiatan tidak berfaedah.

Namun, dengan tercetusnya polemik itu, timbul pula pandangan bertentangan apabila Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, meminta kerajaan mengkaji pelaksanaannya dengan mengambil kira jurang perbezaan ketara yang wujud di antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Bermula dari itulah, ramai juga ahli akademik, pemimpin akar umbi, malah badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu, memberi reaksi negatif dengan meminta kerajaan mengkaji dan tidak melaksanakan sistem itu pada masa terdekat.

Ketika mengumumkan pelaksanaan dasar itu pada sidang akhbar kelmarin, Dr Mahathir berkata, pelaksanaannya akan dibuat seawal tahun depan mengikut jurusan dan keperluan bagi memastikan pelajar hanya memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencapai keputusan cemerlang.

Beberapa pemimpin Umno bahagian yang ditemui selepas taklimat itu berkata, Perdana Menteri bukan saja melahirkan kebimbangan terhadap masa depan kecemerlangan anak Melayu yang keciciran dalam pelajaran, malah pada masa sama mahu semua pihak termasuk ibu bapa, guru, pensyarah universiti serta masyarakat keseluruhannya memainkan tanggungjawab proaktif bagi mencapai kecemerlangan yang dihajati.

Masalah yang dibangkitkan dalam taklimat berkenaan bukan mengenai kepentingan parti, tetapi lebih didasarkan kepada pelajar Melayu yang

keciciran dalam pelajaran serta masalah sosial yang melingkari mereka.

Menurut seorang pemimpin Umno bahagian, Dr Mahathir membangkitkan perlunya meritokrasi bagi memastikan survival Melayu, terutama untuk mendepani era globalisasi.

Di samping itu, hanya pemilihan pelajar Melayu yang berkualiti untuk memasuki IPTA dapat memastikan matlamat lebih 556,000 anak Melayu mempunyai asas pengetahuan sains dan teknologi yang jitu agar mereka dapat bersaing dengan kaum lain.

Dalam beberapa aspek lain, ternyata kebimbangan Dr Mahathir itu bertempat. Jika mengikut perangkaan berdasarkan meritokrasi, tidak ada satu pun anak Melayu yang layak menyambung pelajaran dalam jurusan pergigian dan farmasi.

Begitu juga dalam jurusan kejuruteraan. Daripada 100,000 pelajar kaum lain yang menuntut dalam bidang itu di seluruh negara, mengikut merit hanya 100 pelajar Melayu yang layak dari segi akademik untuk mengambil jurusan sama.

Seorang ketua bahagian Umno yang ditemui berkata, Perdana Menteri dengan telus menyatakan kebimbangannya terhadap kadar keciciran pelajar lelaki Melayu pada peringkat sekolah menengah dan universiti.

Kajian serta statistik yang dibuat Kementerian Pendidikan amat mengejutkan. Kadar keciciran pelajar lelaki pada peringkat sekolah menengah adalah tinggi, iaitu 33 peratus, yang mana tiga daripada 10 pelajar lelaki tidak pernah menamatkan persekolahan peringkat menengah masing-masing.

Melalui pelaksanaan sistem meritokrasi, hanya yang terbaik dari segi pencapaian akademik akan terpilih dan nyata sekali kerajaan melihat pelaksanaannya sebagai remedi yang berkesan, tetapi pahit bagi memastikan pelajar Melayu boleh maju.

Pelaksanaan sistem kemasukan ke IPTA berdasarkan kuota 55:45 di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera selama ini tidak lagi dilihat sebagai jalan penyelesaian yang dapat melahirkan lebih ramai golongan cerdik pandai di kalangan Melayu.

Sebaliknya, seperti yang dikatakan oleh Dr Mahathir sebelumnya, tindakan kerajaan selama ini memperuntukkan kuota dan memberi kelonggaran kepada pelajar sehingga orang yang tidak ada merit pun diterima masuk, bukan hanya membuat pelajar Melayu main-main, bahkan menjadikan mereka sombong.

Kesombongan dan sikap main-main pelajar Melayu ini dapat dilihat dengan jelas di kalangan pelajar lelaki apabila seorang pemimpin akar umbi Umno berkata pelajar lelaki Melayu yang masuk ke universiti sebenarnya lebih berminat menjadi 'hero' aktivis daripada mencapai kecemerlangan akademik.

Sudahlah menjadi golongan minoriti, pelajar lelaki masih lagi hendak berlagak dengan menjadi presiden, timbalan presiden serta setiausaha persatuan pelajar IPT.

"Belum tentu lagi keputusan akademik presiden, timbalan presiden serta setiausaha persatuan pelajar ini mencapai prestasi cemerlang, sudah pandai mengajar kerajaan bagaimana hendak mentadbir sebuah negara," katanya.

Kewujudan fenomena pelajar lelaki cenderung membabitkan diri dalam aktiviti politik sehingga mengetepikan kepentingan akademik dengan melakukan demonstrasi jalanan dan terbabit dalam gerakan antikerajaan memang tidak boleh dinafikan.

Seorang lagi pemerhati Umno yang turut menghadiri taklimat itu berkata, Dr Mahathir turut memberi amaran kepada pelajar bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas dengan menyingkirkan mana-mana daripada mereka yang didapati terbabit dalam gerakan antikerajaan serta tidak cemerlang dalam pelajaran.

Selain itu, katanya, Perdana Menteri turut memberi amaran keras kepada guru agama dan pensyarah universiti agar masing-masing melaksanakan

tanggungjawab yang diamanahkan atau menerima padah di atas kedegilan dan sikap tidak bertanggungjawab mereka.

Kerajaan sedar selama ini wujud kegiatan antikerajaan disemai guru agama di sekolah serta pensyarah universiti. Kumpulan ini menggunakan hampir sepenuh masa yang ada bukan untuk mendidik serta memberi kuliah, tetapi menghasut pelajar membenci kerajaan, pemimpin kerajaan dan semua dasar kerajaan.

Memburukkan lagi keadaan, semua mata pelajaran yang tidak mempunyai kaitan dengan Islam, akan dilabel oleh guru agama seperti itu sebagai pelajaran sekular yang tidak membawa faedah kepada pelajar ketika di akhirat kelak.

Budaya membenci yang disemai parti pembangkang, terutama Pas, nampaknya cukup berkesan hingga ramai pelajar Melayu peringkat sekolah tidak berminat memberi tumpuan terhadap pelajaran, tetapi sebaliknya tertumpu kepada politik kebencian.

Dalam taklimat itu juga, Presiden Umno menegur sikap kebanyakan ahli parti yang terlalu banyak terlepas pandangan dalam soal menjaga kepentingan serta kebajikan orang Melayu.

Menurut pemerhati itu, Dr Mahathir menegur ahli Umno sendiri perlu mengubah sikap dan menunjuk teladan dengan sanggup turun ke bawah menjelaskan kepada semua pihak mengenai perlunya pelaksanaan sistem meritokrasi ini.

Pemimpin dan ahli Umno diingatkan terhadap perlunya menebus dosa kerana leka dan sibuk berpolitik mengejar jawatan dalam parti hingga masalah sosial serta keciciran pelajar Melayu menjadi semakin meruncing.

Dengan nada yang seakan memujuk, tetapi pada masa sama bertegas, Dr Mahathir berkata, sistem meritokrasi perlu dilaksanakan demi kebaikan masa depan pelajar Melayu dan survival Melayu pada masa akan datang.

"Jangan terlalu sayang kepada bangsa sehingga apa yang kita buat boleh merosakkan bangsa sendiri," kata pemerhati itu sebagai mengulangi ingatan Perdana Menteri dalam majlis taklimat berkenaan.

(END)